



Faculty of Applied and Creative Arts

**MENKAKI PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP
PROMOSI YANG DIJALANKAN OLEH MUZIUM WARISAN
ISLAM, KUCHING**

**Nazrullazuan bin Mohamed
34463**

Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian

(Pengurusan Seni)

2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the day of 2016.

Student's Declaration:

I, NAZRULLAZUAN BIN MOHAMED, 34463, FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF hereby declare that the work entitled, MENKAJI PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP PROMOSI YANG DIJALANKAN OLEH MUZIUM WARISAN ISLAM, KUCHING, is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

NAZRULLAZUAN BIN MOHAMED (34463)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I, ENCIK ANDREAS SUDJUD DARTANTO hereby certifies that the work entitle MENKAJI PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP PROMOSI YANG DIJALANKAN OLEH MUZIUM WARISAN ISLAM, KUCHING was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI) and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

ENCIK ANDREAS SUDJUD DARTANTO

Date:

22/6/2016

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____



Supervisor signature: _____



Current Address:

**KG BATU GARAM, GUAL IPOH
17500 TANAH MERAH
KELANTAN**

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

**MENKAJI PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP PROMOSI YANG
DIJALANKAN OLEH MUZIUM WARISAN ISLAM, KUCHING**

NAZRULLAZUAN BIN MOHAMED 34463

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Keujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

Projek bertajuk **‘Mengkaji Persepsi Masyarakat Terhadap Promosi Yang Dijalankan Oleh Muzium Warisan Islam, Kuching’** telah disediakan oleh **Nazrullazuan Bin Mohamed (34463)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....
(ENCIK ANDREAS SUDJUD DARTANTO)

Tarikh:

PERGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah dan kurniaNya dapatlah saya meneruskan kajian ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pensyarah saya Encik Andreas Sudjud Dartanto di atas bantuan dan didikan yang tidak pernah mengenal erti jemu dalam mencurahkan ilmu disepanjang proses penghasilan kajian ini. Terima kasih juga buat rakan-rakan yang turut sama membantu dalam memberi pendapat dan idea yang bernas. Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa yang banyak memberi sokongan serta dorongan dan juga wang ringgit dalam menghasilkan kajian ini. Galakkan dan dorongan telah membakar semangat untuk meneruskan pengajian ini. Lantaran itu, doa kalian sentiasa saya harapkan agar saya dapat mengenggam segulung ijazah demi masa depan kita dan kerjaya saya.

Segala kekurangan yang ada dalam kajian ini, saya anggap ini adalah kelemahan saya sebagai manusia biasa yang perlukan teguran dan didikan, dan begitu juga jika ada kelebihan maka itu datangnya dari nikmat Allah. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung dan secara tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

Sekian, Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1	PENGENALAN	
1.0	Pendahuluan bab	1
1.1	Latar belakang kajian	2
1.2	Lokasi kajian	4
1.3	Definisi	5
1.4	Objektif kajian	8
1.5	Permasalahan kajian	10
1.6	Persoalan kajian	13
1.7	Perkaitan antara permasalahan,persoalan dan objektif kajian	15
1.8	Skop kajian	16
1.9	Kepentingan kajian	16
1.10	Kesimpulan	17
BAB 2	SOROTAN KESUSATERAAN/KAJIAN LITERATUR	
2.0	Pendahuluan	18
2.1	Persepsi masyarakat terhadap muzium	19
2.2	Faktor masyarakat kurang berminat untuk terlibat dalam aktiviti muzium	22
2.3	Aktiviti promosi kurang menjadi tarikan kepada masyarakat	25
2.4	Kesimpulan	28

BAB 3	METODOLOGI PENYELIDIKAN	
3.0	Pendahuluan	29
3.1	Kaedah pensampelan	30
3.2	Kaedah pengumpulan data	30
3.3	Kaedah analisa data	35
3.4	Kesimpulan	35
BAB 4	ANALISA DATA	
4.0	Pengenalan	37
4.1	Analisa data	38
4.2	Analisa maklumat diri responden	39
4.3	Ujian kebolehpercayaan	46
4.4	Hasil dapatan	48
4.5	Perbandingan min bagi persepsi masyarakat terhadap muzium	54
4.6	Nilai kekerapan bagi persepsi masyarakat terhadap muzium	55
4.7	Perbandingan min bagi faktor yang menarik minat masyarakat terhadap muzium	62
4.8	Nilai kekerapan bagi faktor yang menarik minat masyarakat terhadap muzium	63
4.9	Perbandingan min bagi tahap kesedaran masyarakat terhadap muzium	68
4.10	Nilai perbandingan bagi tahap kesedaran masyarakat terhadap muzium	69
4.11	Kesimpulan	74
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANAGN DAN RUMUSAN	
5.0	Pengenalan	75
5.1	Perbincangan	76

5.2	Cadangan	78
5.3	Kesimpulan	80
RUJUKAN		81
LAMPIRAN		84

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi masyarakat terhadap promosi yang dijalankan oleh Muzium Warisan Islam Kuching. Sebanyak 250 borang soal selidik telah diedarkan secara rawak di sekitar kawasan kajian iaitu di Bandar Kuching. Kajian ini dilakukan berbentuk diskriptif dimana borang soal selidik mengandungi 18 item soalan telah digunakan sebagai instrument kajian. Penyelidik menggunakan kaedah kuantitatif dalam menganalisa data dengan menggunakan perisian SPSS versi 20.0 dan juga microsoft excel. Hasil yang diperoleh dari analisa data tersebut ditukar kepada bentuk peratus, kekerapan dan juga min. Dapatan kajian menunjukkan masyarakat kurang peka terhadap aktiviti promosi yang dijalankan oleh muzium kerana promosi tidak dijalankan secara berkesan. Beberapa cadangan telah dikemukakan agar aktiviti promosi yang dijalankan oleh pihak muzium mendapat sambutan dari masyarakat.

ABSTRACT

This study aims to assess public perception of the campaign carried out by Islamic Heritage Museum, Kuching. A total of 250 questionnaires were distributed randomly around the study area, namely in Kuching City. This descriptive study which the questionnaire containing 18 items were choose as a research instrument. Researchers use quantitative methods to analyze data using SPSS version 20.0 and Microsoft Excel. The results obtained from data analysis is converted to a percentage, frequency and min. The findings show that people are less sensitive to promotional activities undertaken by the museum because the promotion is not carried out effectively. Several proposals concerning the perception among public over the campaing have been submitted to museum.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Muzium merupakan sebuah institusi yang pada awalnya berfungsi memerihalkan bahan sejarah semata-mata. Kini, muzium berubah apabila diangkat menjadi sebuah institusi yang memberi kepentingan kepada negara terutama dalam bidang pelancongan dan sebagai institusi pendidikan bukan formal atau institusi perkembangan ilmu. Suatu ketika dahulu, kewujudannya di Eropah menjadi satu manifestasi bagi masyarakat dan menunjukkan taraf masyarakat bangsa-bangsa Eropah.

Muzium dilihat sebagai institusi pembinaan minda yang unggul dan mampu membawa agenda kesedaran terhadap budaya bangsa melalui aktiviti melalui pameran. Muzium mampu menjadi *role model* kepada sistem pendidikan luar. Menjelang alaf baru ini, muzium seharusnya wujud dengan lebih berketerampilan dalam memperbaiki imejnya pada mata masyarakat melalui pendekatan penyampaian aktiviti atau program yang lebih menekankan teknologi dan mesra masyarakat tanpa meninggalkan elemen emosi dan rohani para pengunjung.(dzulfawati,1999). Malaysia merupakan sebuah negara yang membangun dalam pelbagai aspek termasuk dalam bidang

budaya dan warisan. Budaya dan warisan merupakan satu alternatif kejayaan kepada sesebuah negara

1.1 LATAR BELAKANG

Bangunan Muzium Warisan Islam ini dahulunya merupakan satu bangunan James Brooke Malay Collage. Bangunan ini telah diubah suai bersesuaian dengan sebuah muzium. Bangunan muzium ini dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul Taib Mahmud pada 22 Mei 1992 yang merupakan ketua menteri sarawak pada masa itu.

Pada tahun 1930 bangunan ini dikenali sebagai Madrasah Melayu Sarawak. Ianya digunakan khas untuk melatih lebih ramai guru dalam pendidikan melayu peringkat tinggi. Tujuannya adalah untuk menggalakan lebih ramai orang melayu untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam membangunkan masyarakat melayu itu sendiri (Sarawak Gazette, 2 Mac.1931). Sekolah-sekolah yang ada pada masa tersebut mahir dalam penggunaan Bahasa Ingeris tetapi masih kekurangan guru melayu yang berkeelayakan.

Lantai bangunan muzium ini telah ditinggikan serta memiliki ruang segi empat dan dilengkapi dengan tiga ruang tambahan dan dua laman dalaman.. Reka bentuknya amat unik dan dikatakan satu-

satunya yang ada di negeri ini. Hampir keseluruhan bangunan ini diperbuat daripada konkrit dan kayu manakala atapnya menggunakan atap genting.

Objektif utama muzium ini didirikan adalah untuk memperkenalkan kepada rakyat di negeri ini dan juga para pelawat akan keunikan ketamadunan Islam dalam suasana masyarakat Sarawak. Dalam erti kata lain, dengan penubuhan muzium ini adalah diharapkan rakyat akan lebih menghargai dan memahami sumbangan Islam terhadap ketamadunan manusia sejagat.

Muzium ini terbahagi kepada tujuh buah galeri. Setiap galeri mempamerkan bahan yang berkaitan dengan sesuatu disiplin seperti yang dinyatakan dibawah:

Galeri pertama	Sejarah Islam Di Sarawak
Galeri kedua	Seni Reka Bentuk Islam
Galeri ketiga	Sains, Teknologi, Ekonomi, Pendidikan dan Kesusasteraan
Galeri keempat	Kostum, Muzik, Dan Barangan Peribadi
Galeri kelima	Persenjataan
Galeri keenam	Seni Hiasan Dan Alat-Alat Domestic
Galeri ketujuh	Koleksi Kitab Al-Quran

1.2 LOKASI KAJIAN

Lokasi kajian merupakan tempat penyelidik menjalankan kajian adalah Muzium Warisan Islam, Kuching dan seterusnya mendapatkan maklumat dan data penting yang dapat digunakan untuk melengkapi laporan kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

Lokasi utama pengkaji adalah di Muzium Warisan Islam yang terletak di Kuching. Manakala Pustaka Negeri Sarawak dan Pusat Khidmat Maklumat Akademik yang terletak di Universiti Malaysia Sarawak turut dijadikan sebagai tempat pengkaji mengumpul data.



Rajah 1 : peta lokasi kajian

1.3 DEFINISI

- Muzium

Muzium merupakan salah satu badan atau organisasi yang memainkan peranan yang penting dalam memelihara dan memulihara khanazah warisan budaya dan bangsa bagi sesebuah Negara. Peranan muzium adalah mempamerkan khanazah Negara kepada generasi baru atau akan datang dan masyarakat luar sama ada dalam mahupun luar Negara. Malahan muzium juga menjadi satu tempat yang sesuai untuk menyimpan koleksi-koleksi barangan lama yang hampir lenyap ditelan zaman seperti barangan peperangan sewaktu zaman pemerintahan British di Tanah Melayu.

Muzium ditakrifkan sebagai bangunan untuk menyimpan, memelihara, mengkaji atau mempamerkan objek-objek yang mempunyai nilai sejarah, seni dan saintifik. Takrifan ini juga dikukuhkan lagi dengan satu sumber yang diperolehi daripada laman sesawang iaitu *International Council of Museums* pada Mesyuarat Agongnya pada tahun 1974 mengatakan bahawa definisi muzium adalah sebuah institusi yang bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberi perkhidmatan kepada masyarakat dan perkembangannya, terbuka kepada masyarakat umum, memperolehi, merawat, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan pembelajaran,

pendidikan dan hiburan, bukti-bukti tinggalan manusia dan persekitaran.

Kenyataan tersebut jelas membuktikan bahawa muzium merupakan satu badan atau organisasi yang menyimpan pelbagai khazanah Negara. Selain memainkan peranan seperti yang umum ketahui, muzium juga memainkan pelbagai peranan daripada sudut pengurusan dan pameran.

Manakala dalam kamus Dewan pula (edisi ke-3), perkataan ‘muzium’ diertikan sebagai tempat penyimpanan, memelihara, mengkaji atau mempamerkan objek-objek yang mempunyai nilai sejarah, seni dan lain-lain.

- Promosi

Promosi merupakan salah satu aspek yang penting dalam pengurusan pemasaran dan sering dikatakan sebagai proses berlanjutan. Dengan adanya promosi, orang yang sebelum ini tidak tertarik untuk membeli suatu produk akan menjadi tertarik dan ingin mencuba produk sehingga pengguna melakukan pembelian.

Menurut Zainal Abidin Mohd Said (1998) melalui bukunya “pengurusan pemasaran”, promosi boleh diertikan sebagai mengetengahkan atau memperkenalkan suatu idea sehingga dapat

diterima. Istilah promosi merangkumi proses untuk mempengaruhi pembeli yang dilakukan oleh penjual sesuatu keluaran. Promosi merupakan usaha yang dijalankan oleh pihak penjual untuk mewujudkan satu saluran maklumat dengan tujuan menjual sesuatu keluaran atau penerimaan suatu idea telah diketengahkan.

Selain itu menurut Nik Rahimah Nik Yaakob (1992) pula, melalui buku “asas pemasaran”, promosi merupakan salah satu element penting dalam pemasaran. Promosi boleh didefinisikan sebagai komunikasi yang digunakan oleh pemasar-pemasar untuk memberitahu, menggalakkan dan meyakinkan pembeli-pembeli yang berpotensi supaya mencuba atau membeli keluaran yang dipasarkan.

- Komuniti/masyarakat

Menurut Wan Azmi Ramli (1992) dalam kajian Anisah bt Wadu (2003) masyarakat didefinisikan sebagai satu kelompok orang yang tinggal bersama-sama termasuk lelaki dan perempuan, kecil besar, tua muda dan merangkumi segenap lapisan tugas yang terdapat dalam satu-satu kawasan geografi tertentu.

S.F Nindel mendefinisikan masyarakat sebagai satu kumpulan manusia yang terikat dalam sebuah kesatuan dan bertindak secara berintegriti tetap dan bersifat agak kekal dan stabil.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Setiap kajian mempunyai matlamat bagi menentukan tujuan utama kajian yang dijalankan. Secara umumnya, objektif kajian yang ditetapkan pengkaji adalah berkenaan dengan tahap keberkesanan dan kepuasan pengunjung dan masyarakat yang berdekatan dengan Muzium Warisan Islam Kuching Sarawak. Di dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenalpasti persepsi masyarakat terhadap Muzium Warisan Islam Kuching, menganalisis faktor yang menyebabkan masyarakat kurang berminat untuk berkunjung ke muzium dan juga sejauhmana aktiviti promosi mampu menarik perhatian masyarakat untuk datang berkunjung ke muzium.

- Mengenalpasti Persepsi Masyarakat Terhadap Muzium Warisan Islam, Kuching

Kesedaran masyarakat harus dipupuk dengan lebih mendalam terhadap fungsi kewujudan muzium di neagara ini. Di dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenalpasti sejauhmana persepsi masyarakat terhadap muzium warisan islam kerana melalui penilaian masyarakat dan pihak muzium dapat memperbaiki kelemahan perkhidmatan yang diberikan kepada pengunjung. Namun, apa yang dilihat dari pemerhatian pengkaji, kunjungan daripada masyarakat ke Muzium

Warisan Islam kurang mendapat sambutan. Seharusnya pihak muzium perlu mencari inisiatif baru bagi menarik lebih ramai pengunjung untuk datang ke muzium.

- Menganalisis Faktor Masyarakat Kurang Berminat Untuk Terlibat Dengan Aktiviti Muzium

Muzium merupakan tempat yang mempamerkan sesuatu barangan lama atau antik yang telah dibeli, disewa, dicari mahupun diterima daripada individu atau organisasi. Barangan yang dipamerkan juga adalah sesuatu yang unik dan susah untuk didapati pada masa kini. Namun, barangan di muzium mempunyai nilai tersendiri kerana material dan cara pembuatannya yang menarik serta unik. Namun hal demikian, bahan pameran ini tidak mampu menarik perhatian masyarakat untuk datang berkunjung ke Muzium Warisan Islam ini hasil dari pemerhatian pengkaji semasa melawat ke lokasi kajian, Muzium Warisan Islam tidak mempunyai daya tarikan yang tersendiri. Kemudahan asas seperti tiada tempat letak kenderaan juga merupakan salah satu faktor pengunjung tidak berminat untuk mengunjungi muzium ini. Selain itu, kekangan masa, kemudahan pengangkutan, serta persepsi masyarakat sendiri terhadap muzium.

- Sejauhmanakah Aktiviti Promosi Kurang Menjadi Tarikan Kepada Masyarakat.

Promosi memainkan peranan pening bagi menyampaikan sesuatu informasi kepada masyarakat. Begitu juga dalam mempromosikan aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium. Bagi menarik minat pengunjung untuk datang berkunjung ke Muzium Warisan Islam Kuching. Aktiviti promosi tidak hanya dengan memasang banner di kawasan muzium tetapi juga di kawasan-kawasan Bandar dan tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai. Selain itu, media elektronik juga merupakan medium yang sesuai bagi menyampaikan maklumat kepada masyarakat dengan lebih meluas.

1.5 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian amat penting dalam kajian yang dijalankan. Permasalahan kajian merupakan isu yang ingin dikaji dalam kajian tersebut. Permasalahan kajian dapat dikesan melalui pembacaan daripada pengkaji terdahulu dan melalui pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji. Permasalahan yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah:

- Tahap kesedaran masyarakat terhadap Muzium Warisan Islam Kuching

Kunjungan masyarakat ke muzium bertujuan untuk mendapat penilaian masyarakat terhadap muzium bagi penambahbaikan dan membaiki kelemahan dalam mempamerkan bahan pameran di dalam muzium. Hasil dari kunjungan mereka ke muzium, mereka boleh memberikan penilaian, pemahaman terhadap muzium. Kajian ini disokong oleh Anisah bt Wadu,(2013) beliau mengatakan bahawa kesan persepsi pengunjung dan masyarakat terhadap muzium amat penting untuk mengetahui potensi produk muzium dalam menarik kedatangan pelawat.

- Faktor yang menyebabkan masyarakat kurang berminat untuk terlibat dalam aktiviti muzium

Dalam buku Anisah bt Wadu (2003), menurut Estive-Coll ada mengatakan bahawa ramai pengunjung tidak berminat datang ke muzium kerana menganggap muzium seperti sebuah tempat yang menggerunkan, gelap, persekitaran yang malap tidak berubah dan kurang berkaitan atau tidak penting kepada mereka. Masyarakat menganggap sedemikian mungkin disebabkan oleh bahan pameran yang dipamerkan adalah bahan yang lama dan mungkin juga bahan

pusaka yang dijual atau didermakan kepada pihak muzium untuk dipamerkan. Mungkin juga masyarakat pada masa kini memandang bahan pameran yang dipamerkan di muzium tidak mempunyai nilai sentimental yang tersendiri.

- Aktiviti promosi kurang memberikan kesedaran kepada masyarakat

Seperti yang kita ketahui, muzium adalah tempat yang kurang mendapat kunjungan daripada orang ramai untuk melawat galeri dan bahan-bahan pameran yang disediakan. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab harus memainkan peranan yang lebih bijak untuk mencari jalan penyelesaian untuk menarik orang ramai datang ke muzium. Cara yang terbaik adalah dengan mengadakan aktiviti promosi secara meluas. Melalui kajian yang dilakukan oleh Sureira(2006), beliau dapat mengenalpasti bahawa kebanyakan pengunjung tempatan bersetuju bahawa promosi memainkan peranan untuk menarik pengunjung datang melawat ke muzium.

1.6 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan timbul berikutan daripada isu yang dikeluarkan daripada permasalahan yang telah wujud. Persoalan juga penting bagi melengkapi kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Beberapa persoalan telah dikeluarkan bagi mendapat pemerhatian yang jelas untuk pengkaji menjalankan kajian berkaitan dengan tahap kesedaran masyarakat terhadap promosi yang dijalankan oleh Muzium Warisan Islam, Kuching. Antara persoalan dalam kajian ini adalah:

- Sejauhmanakah persepsi masyarakat terhadap muzium warisan islam?

Setiap individu memiliki citarasa dan pandangan yang berbeza-beza. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji ingin menyelidik sejauhmana masyarakat mengetahui tentang kewujudan intitusi muzium ini. Adakah masyarakat tahu akan fungsi pertubuhan muzium dibina? Adakah kunjungan masyarakat ke muzium dapat memberikan ilmu kepada mereka?

- Apakah faktor yang menyebabkan masyarakat kurang berminat untuk terlibat dalam aktiviti muzium?

Muzium adalah tempat pembelajaran yang tidak formal di